



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI DAN HEBAHAN BIENNIAL TRANSPARENCY
REPORT PERTAMA (BTR1) MALAYSIA**

GRAND BALLROOM HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR

6 MEI 2025 (SELASA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. **Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati Awang**
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam),
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi
3. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

PENGENALAN

1. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua hadirin, khususnya pihak yang terlibat secara langsung dalam penyediaan **BIENNIAL TRANSPARENCY REPORT PERTAMA (BTR1) MALAYSIA**.
2. Majlis hari ini mencerminkan komitmen dan penglibatan aktif semua pihak dalam usaha penting negara kita – iaitu menyediakan dan menyampaikan Laporan BTR1 Malaysia kepada komuniti global.
3. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) terus memikul tanggungjawab sebagai *focal point* negara dalam pelaporan perubahan iklim kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) selaras dengan tuntutan Perjanjian Paris.
4. Antara pencapaian utama negara dalam agenda ini termasuklah penghasilan laporan **National Communication (NC4)** dan **BTR1 pada 2024** serta dokumen **Long Term Low Emissions Development Strategy (LT-LEDS)**. Dalam masa yang sama, kita juga sedang menggubal kerangka perubahan iklim secara lebih

menyeluruh termasuk Rang Undang-undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN), Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) dan Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP).

5. Segala usaha dan pencapaian ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen padu pemegang taruh daripada pelbagai sektor.

Hadirin sekalian,

BTR1 DAN PELAPORAN KEBANGSAAN

6. Hari ini kita raikan sumbangan mereka yang menjadi tulang belakang kepada penyediaan BTR1. Ini adalah hasil usaha bersepadu yang menjadikan Malaysia antara 85 negara daripada 198 negara Parti yang berjaya mengemukakan laporan BTR1 tepat pada masanya iaitu pada 31 Disember 2024.
7. Malaysia telah mula mengemukakan pelaporan perubahan iklim kepada UNFCCC sejak tahun 2000 melibatkan *National Communication* (NC) dan kemudiannya diikuti pula dengan pelaporan *Biennial Update Report* (BUR) yang mula dikemukakan pada tahun 2016. Sehingga kini, Malaysia telah menghasilkan 4 laporan NC dan 4 laporan BUR.
8. Di bawah Artikel 13 Perjanjian Paris dan *Enhanced Transparency Framework* (ETF), negara-negara parti mempunyai kewajiban terbaharu iaitu untuk mengemukakan laporan *Biennial Transparency Report* (BTR) setiap dua tahun, menggantikan BUR.

Hadirin sekalian,

NILAI STRATEGIK BTR1

9. BTR merupakan pelaporan yang lebih kompleks dan menyeluruh. Ianya adalah dokumen strategik yang mengandungi data dan dapatan penting mengenai pelepasan dan penyerapan gas rumah kaca (GHG) bagi lima sektor utama iaitu **tenaga, proses industri & guna produk, pertanian, guna tanah, perubahan guna tanah & perhutanan**, serta **sis**a.
10. Melalui BTR, kita berupaya mengenal pasti pencapaian *Nationally Determined Contribution* (NDC) Malaysia. Sebelum ini kita telah mensasarkan pengurangan intensiti pelepasan GHG sebanyak 45% menjelang tahun 2030, berbanding paras tahun 2005. Merujuk pelaporan NDC dalam BTR1, sehingga 2021, negara telah mencapai pengurangan **37.12%** - satu kemajuan yang sangat signifikan dan menunjukkan keupayaan sebenar negara dalam usaha mitigasi.
11. Pencapaian ini adalah hasil daripada tindakan rentas sektor yang melibatkan pelbagai kementerian, agensi, industri dan pihak berkepentingan. Sebagai contoh, inisiatif **tenaga boleh baharu** oleh Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA), serta pendekatan ekonomi rendah karbon dalam Rancangan Malaysia oleh Kementerian Ekonomi (KE), memberi impak langsung kepada usaha mitigasi negara.
12. BTR1 turut mengenal pasti keperluan negara dalam aspek kewangan, teknologi dan pembangunan kapasiti – iaitu tiga komponen penting dalam menyokong pelaksanaan tindakan iklim negara.
13. Dapatan BTR1 juga dijadikan input kepada dokumen strategik seperti **Rancangan Malaysia, dasar-dasar nasional**, serta **input**

teknikal termasuk *NDC Roadmap and Action Plan*, LT-LEDS serta RUUPIN. Pihak industri, akademik dan pihak berkepentingan lain turut merujuk BTR1 bagi keperluan ESG dan laporan korporat.

14. Dengan itu, BTR1 bukan sekadar laporan teknikal pada peringkat nasional, tetapi instrumen pengetahuan dan tindakan dasar yang mempunyai implikasi jangka panjang terhadap pembangunan negara.

Hadirin sekalian,

BTR1 DAN SEMANGAT KEBERSAMAAN

15. BTR1 mula diselaraskan secara intensif oleh Bahagian Perubahan Iklim melalui Pusat Gas Rumah Kaca Kebangsaan (MyGHG), bermula Mei 2025. Dalam tempoh penyediaan yang singkat ini, pelbagai sesi mesyuarat, bengkel, libat urus dan analisis teknikal telah dilaksanakan, termasuk di Sabah dan Sarawak.
16. Meskipun tempoh penyediaan agak singkat dan penuh cabaran, semangat kerjasama dan kesungguhan Kumpulan-kumpulan Kerja Teknikal (TWG dan SWG) serta pihak pemegang taruh secara umumnya memungkinkan kelancaran penyediaan laporan ini hingga ke peringkat kelulusan Kabinet.
17. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk TKSU (KA) selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Perubahan Iklim (TCCC), semua pengerusi TWG dan SWG serta seluruh warga kerja dan pemegang taruh yang telah menjayakan laporan ini.

PELUNCURAN *MALAYSIA'S NDC ROADMAP AND ACTION PLAN (NDC-RAP)* DAN *LONG-TERM LOW EMISSIONS DEVELOPMENT STRATEGY (LT-LEDS)*

18. Hari ini juga, kita menyaksikan peluncuran dokumen Pelan Tindakan dan Hala Tuju *Nationally Determined Contribution (NDC Roadmap and Action Plan – NDC RAP)* dan Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (*Long-Term Low Emissions Development Strategies – LT-LEDS*) Malaysia. Kedua-dua dokumen ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 21 Mac 2025.
19. Kedua-dua dokumen ini adalah berstatus '*living documents*' dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa berpandukan kepada perkembangan semasa hala tuju berkaitan perubahan iklim di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Kedua-dua dokumen ini melengkapi usaha bersama kita semua dalam menangani perubahan iklim di peringkat domestik dan antarabangsa.

PENUTUP

20. Akhir kata, saya berharap agar segala usaha yang telah dan sedang dilaksanakan dalam menangani perubahan iklim terus diperkukuh dengan kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua pihak berkepentingan. Tahniah kepada semua yang terlibat dalam penyediaan laporan ini.

Dengan itu, saya akhiri ucapan saya dengan ribuan terima kasih.

Sekian.